



D Kamarudin berkata sesuatu kepada Taufiq setelah selesai Majlis Serah Tugas.

Naib Canselor baharu UMS sedia galas amanah

UB 1.8.2019 AG

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) keenam, Profesor Dr Taufiq Yap Yun Hin bersedia menjalankan amanah yang diberikan.

Taufiq berkata, beliau akan memberi tumpuan meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran di universiti tersebut.

“UMS akan meningkatkan kerjasama dengan pemain industri di negara ini khususnya yang ada di Sabah dan antarabangsa supaya program pengajian kita dapat diolah dan disesuaikan dengan kehendak pasaran.

“Dengan demikian, kita dapat melahirkan graduan yang berkualiti tinggi bagi memenuhi kekosongan pekerjaan.

“Bagi tujuan tersebut kita memerlukan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak terutamanya kerajaan negeri bagi memastikan tenaga kerja yang dibentuk dapat memenuhi aspirasi,” katanya semasa Majlis Serah Tugas Naib Canselor UMS di sini pada Rabu.

Taufiq yang menggan-

takan Profesor Datuk Dr D. Kamarudin D Mudin bermula pada 30 Julai sehingga 29 Julai 2022.

Sepanjang perkhidmatannya Taufiq pernah menerima beberapa anugerah antaranya Top Malaysian Scientists 2014, Anugerah Khas Maal Hijrah Wilayah Persekutuan 2018, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UPM 2018 serta Malaysia's Research Star Award 2018.

Beliau juga aktif dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO) antaranya dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf Selangor, Presiden Malaysian Catalysis Society dan Presiden Malaysia Chinese Muslim Association (MACMA).

Turut hadir ialah Menteri Pelajaran dan Inovasi Negeri Sabah Datuk Yusof Yacob, Ahli Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa, Mantan Naib Canselor UMS kelima Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin dan Mantan Naib Canselor keempat Profesor Datuk Dr Harun Abdullah. -Penerangan.